

O T U

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



LELUCON EKSENTRIK

Zul Ariffin

Zul Ariffin

Aktor Zul Ariffin mengakui pengalaman yang diraihnya selama 16 tahun dalam industri hiburan tanah air sedikit sebanyak membantu menjayakan watak dalam filem terbaru lakonannya iaitu *Don Dukun*.

Memegang watak seorang Dukun, Zul menyifatkan *Don Dukun* merupakan filem komedi pertama dia sebagai watak utama.

"Saya memang peminat genre komedi tetapi dalam bidang lakonan saya daripada TV genre komedi itu bukan 'padang' saya. Jadi bila saya melangkah ke filem saya lebih ke arah genre aksi sehinggalah tahun 2017 saya terlibat dengan sebuah filem komedi, di situ lah bermulanya saya terlibat dengan genre komedi."

"Bila saya dapat tawaran *Don Dukun*, sedikit sebanyak saya guna pengalaman itu dan beri keyakinan untuk saya terima hasilkan *Don Dukun*. Bila saya dapat tahu siapa dikeliling saya dari segi pelakon dan pasukan produksi, Alhamdulillah saya rasa yakin untuk ambil tanggungjawab sebagai watak utama."

"Boleh dikatakan ini adalah filem komedi pertama saya sebagai watak utama," kongsi Zul kepada Gempak.

Berbaki beberapa hari sahaja lagi untuk *Don Dukun* ditayangkan, Zul mengakui tidak dapat menyembunyi perasaan gemuruh memikirkan penerimaan peminat filem komedi tanah air.

"Takut. Saya rasa dalam banyak-banyak filem yang saya buat, *Don Dukun* lah saya rasa gemuruh. Di set penggambaran, sebelum, ketika dan selepas shoot dan hingga ke hari ini saya rasa gementar."

"Saya fikir juga penerimaan orang dengan komedi yang saya bawa. Ia berbeza, mungkin orang dah mula 'cop' saya dengan filem aksi."

"Saya masih ingat pesanan Arwah Mamat Khalid iaitu 'jangan buat komedi filem itu komedi'. Bila ungkapan itu diletak dalam kepala jadi kita tak terlalu berlebihan," tuturnya.

Don Dukun yang menampilkan pelakon-pelakon hebat tanah air seperti Zul Ariffin, Ropie Cecupak, Douglas Lim, Datuk Yusof Haslam, Sangeeta, Marsha Milan, Elly Arifin, Rashidi Ishak dan ramai lagi bakal menghantui pawagam seluruh negara bermula 31 Oktober ini. - KHAIRIL KHUSYAIRI





“DON DUKUN”



Pengarah: Waan Hafiz

Pelakon: Zul Ariffin, Ropie Cecupak, Douglas Lim, Sangeeta Krishnasamy, Datuk Yusof Haslam, Marsha Milan, Putri Qaseh Izwandy, Sharifah Aryana, Rashidi Ishak, Zarina Anjolie

Genre: Komedি

Filem ini mengisahkan Don Arif, seorang 'dukun Instafamous' yang bercita-cita menjadi sehebat keturunannya, walaupun terpaksa menggunakan pelbagai gimik dan tipu daya untuk memikat pengikutnya di media sosial. Namun, impiannya dihalang oleh bapanya sendiri, seorang dukun terhormat, yang enggan mengajarnya ilmu keramat warisan keluarga. Keadaan berubah apabila seorang janda kaya muncul dengan tawaran lumayan untuk memulihkan anak tirinya yang diselubungi gangguan kuasa gelap. Don Arif mendapati dirinya terjebak dalam persaingan sengit dengan bomoh-bomoh lain yang juga memburu habuan tersebut.



Pesona 5 Pasangan Cinta Nusantara

Di dunia ini, jatuh cinta bukan hal yang rumit namun yang sukar adalah mempertahankan cinta yang pernah terbit. Apa lagi apabila ia membabitkan cinta jarak jauh. Namun ibarat kata pepatah 'Ikan di laut garam di Darat, Dalam kuali bertemu jua' begitu juga dengan kisah cinta nusantara antara pasangan popular ini.

Pevita Pearce — Mirzan Meer

Berita pernikahan bintang Indonesia, Pevita Pearce dengan kekasihnya, Mirzan Meer sempat menyita perhatian kerana keduanya menjalani hubungan cinta yang sangat low profile. Hal itu lantaran Pevita, 32, sebelum ini cukup terkenal dengan watak Hayati filem mega Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck menikah bersama salah seorang anak usahawan tersohor Habib Group, Datuk Seri Meer Habib dan Datin Seri Zarida Noordin. Mirzan Meer merupakan Pengarah di Time Zone Group yang juga anak syarikat Kumpulan Habib.



BCL - Allahyarham Ashraf Sinclair

Pasangan cinta nusantara paling popular sepanjang zaman adalah Allahyarham Ashraf Sinclair dan bintang terkenal Indonesia, Bunga Citra Lestari. BCL dan Ashraf berkahwin pada 8 November 2008 selepas pertemuan di Malaysia. Perkahwinan dengan seorang anak lelaki iaitu Noah bagaimanapun terlerai selepas aktor yang memilih menetap di Jakarta tersebut menghembuskan nafas terakhir pada 18 Februari 2020. Penyanyi dan pelakon itu kemudian meneruskan kehidupan dengan berkahwin semula bersama Tiko Aryawardhana pada Disember 2023.



Tya Arifin - Asyraf Khalid

Tya Arifin meninggalkan dunia lakonan selepas berkahwin dengan anak tiri Datuk Sri Siti Nurhaliza, Asyraf Khalid pada 1 November 2015. Sejak berkahwin, Tya, 29, menetap di Kuala Lumpur dan aktif menjalankan perniagaan serta podcast bersama Asyraf. Pasangan tersebut kini teruja menanti kelahiran cahaya mata ketiga selepas dikurniai sepasang zuriat lelaki dan perempuan.



Laudya Cynthia Bella - Engku Emran

Aktres terkenal Indonesia, Laudya Cynthia Bella pernah berkahwin dengan Engku Emran Engku Zainal Abidin pada 8 September 2017. Rumah tangga mereka bagaimanapun hanya bertahan selama dua tahun sebelum keduanya membawa haluan masing-masing. Selepas berpisah, Bella masih belum bertemu pengganti sementara Emran yang pernah berkahwin dengan primadona Erra Fazira dan memiliki seorang anak, Engku Aleesya menikah dengan kakak Neelofa, Nor Nabila. Namun perkahwinan ketiga itu juga tidak bertahan.



Iedil Putra - Prisia Nasution

Tengku Iedilzuhrie Putra Tengku Alaudin atau nama komersialnya, Iedil Putra mendirikan rumah tangga dengan pelakon dan pengarah asal Indonesia, Prisia Nasution atau nama lengkapnya Prisia Wulandari Nasution pada 1 Jun 2016. Menikah di Bogor, keduanya menjadi lebih akrab selepas terbabit dalam filem Interchange arahan Dain Said. Iedil kini berulang alik antara Jakarta dan Kuala Lumpur. - MALIAH SURIP



Kesempatan Di Sebalik Kontroversi, Gimik Murahan

'Kegaduhan' yang terjadi di media sosial biasanya disusuli dengan sesuatu yang bersifat perniagaan. Sama ada melakukan gimik murahan atau bijak mengambil kesempatan ia tetap memberi pulangan terhadap konflik atau kontroversi yang tercetus.

Berikut antara gimik murahan dan kontroversi yang telah pernah berlaku sekaligus 'melambungkan' nama mereka sama ada selebriti ataupun pempengaruh.



Qistina Raisah

Qistina Raisah, pelakon remaja berusia 16 tahun, sering terlibat dalam kontroversi berkaitan penampilannya yang dianggap 'dewasa' sebelum waktunya.

Diakui berbakat, Qistina tanpa selindung mengakui merancang gimik bergaduh simbah air dengan penyanyi Arnie Sasha baru-baru ini dan tidak peduli dengan kritikan dilemparkan.

"Memang niat kami daripada awal nak gimik bergaduh viral. Lagipun, bukan hanya saya seorang saja pernah buat gimik."

"Jadi saya tak kisah pun apa orang nak cakap sebab saya tak baca komen sepanjang kes ini berlaku," katanya yang memperoleh pengikut 1 juta di TikTok.



Aliff Syukri

Datuk Seri Aliff Syukri terkenal dalam kalangan pempengaruh sebagai usahawan yang sering mencipta gimik kontroversi untuk mempromosikan produknya.

Walaupun mendapat kritikan dari netizen atas tingkah laku anehnya, termasuk dalam lagu raya dan produk kecantikan, Aliff tetap bertahan dan mengakui bahawa kritikan tersebut kadang-kadang menyakitinya.



Nabila Razali

Gimik yang paling diingati melibatkan kisah cinta antara penyanyi Nabila Razali dan pelakon Aedy Ashraf, di mana mereka dilihat berdua dan berfoto seperti pasangan kekasih pada 2017.

Ramai peminat berasa patah hati apabila mereka menyangka Nabila dan Aedy bercinta, walhal Aedy hanya berperanan sebagai model dalam klip video lagu "Pematah Hati", yang mencapai lebih 30 juta tontonan di YouTube.



Alif Teega, Aisyah Hijannah

Aisyah Hijannah dan Alif Teega adalah pasangan pempengaruh yang sering terlibat dalam kontroversi, termasuk isu perkahwinan dua dan permohonan cerai.

Meskipun nama mereka sering diperkatakan dengan pelbagai cerita mengejut, mereka tetap menunjukkan kemesraan dan terus mempromosikan perniagaan tudung mereka. Aisyah juga setia menemani Alif menghadapi tuduhan penyalahgunaan dana awam yang dikutip untuk tujuan derma. - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Kelly Marcel
Pelakon: Tom Hardy, Juno Temple, Chiwetel Ejiofor
Genre: Aksi

Mengisahkan tentang Eddie Brock (Tom Hardy) dan Venom ketika mereka bekerjasama untuk "kali terakhir" menentang ancaman yang lebih besar.


Diburu oleh kedua-dua dunia mereka dan ancaman semakin dekat, mereka terpaksa membuat keputusan dahsyat yang akan menutup tirai pada tarian terakhir Venom dan Eddie.



Pengarah: Archie Hekagery
Pelakon: Yoriko Angeline, Ibrahim Risyad, Anna Jobling
Genre: Drama

Filem ini mengisahkan Haia (Yoriko Angeline) yang berjuang untuk melanjutkan pelajaran sarjana di Korea Selatan, tetapi menghadapi dilema apabila pensyarahnya, Prof. Fatih (Pritt Timothy), menawarkan dia untuk berkahwin dengan Bhumi (Ibrahim Risyad), suami kepada Aisa (Anna Jobling).

Namun, kebahagiaannya tidak bertahan lama apabila Aisa meninggal dunia, meninggalkan dua anak, dan Haia kini berdepan pilihan sukar antara kembali ke Indonesia untuk menamatkan perkahwinannya atau tinggal di Korea untuk menjaga Syuria, anak perempuan Aisa.



Pengarah: Kongkiat Komesiri
Pelakon: Chanon Santinatornkul, Awat Ratanapintha, Supitcha Sangkhachinda
Genre: Seram/Thriller

Berlatarbelakangkan tahun 1941, filem ini menceritakan kisah Mok dan rakan-rakan tentera yang berdepan dengan serangan dan senjata biologi mengerikan yang melepaskan wabak zombie yang menakutkan.

Audition Online Hos Baharu GMW Meriah, 31 Oktober Tarikh Tutup!

Sesi ujibakat secara atas talian pencarian hos baharu Gempak Most Wanted (GMW) terus meriah dengan pelbagai pencalonan daripada pelbagai latar belakang.

Antara yang menarik perhatian adalah penyertaan daripada selebriti dan pempengaruh popular seperti Meer Nash, Fira Dahlan, Syazwan Akmal dan Shaff Asran.

Penyertaan masih dibuka sehingga 31 Oktober 2024 dan seorang hos baharu bakal dipilih untuk mengacara rancangan GMW.

Sementara itu, 'duda terhangat di pasaran' Fattah Amin masih mendahului carta kategori Selebriti Trending manakala Khairul Aming mendominasi kategori Digital Creator Trending (Foodie).

Selain itu, Namie, Bang Med dan Yanaa Hassan mendominasi kategori Digital Creator Trending (Entertainment), Digital Creator Trending (Lifestyle) dan Digital Creator Trending (Beauty & Fashion).


Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

DIGITAL CREATOR TRENDING (LIFESTYLE)

- 1 Bang Med
- 2 Khyerun
- 3 Aimanzsham
- 4 Awang
- 5 John Ow

DIGITAL CREATOR TRENDING (FOODIE)

- 1 Khairul Aming
- 2 Ow To The Zie
- 3 Syiqin Azrin
- 4 Che Nom
- 5 Jenul Masak

DIGITAL CREATOR TRENDING (ENTERTAINMENT)

- 1 Namie
- 2 Acap S
- 3 Wan Chai
- 4 Jieha Iqbal
- 5 Steph Beauty

DIGITAL CREATOR TRENDING (BEAUTY & FASHION)

- 1 Yanaa Hassan
- 2 Sofea Shra
- 3 Warah
- 4 Thuraya Nur
- 5 Raidah Nurr

The image shows three main promotional banners for Astro:

- Simply South:** Offers a collection of South Indian entertainment content. It features a 'Simply South' streaming device, movie posters for 'GARUDEN' and 'Kathiravan 4', and a price of RM10.80/bln*.
- JUALAN JIMAT BESAR!**: A special offer with a price of RM41.99/bln*. It includes a laptop displaying the Astro app, a smartphone, a set-top box, and a remote control.
- OPPA-MANIA:** Promotes Korean entertainment content like 'Fresh Saga With LOVE 2'. It features a price of RM45.99/bln* and a collection of drama posters.

Astro Tawar Jualan Jimat Besar, Servis Simply South, Saluran Baharu & Baucar RM300

Astro memperkenalkan JUALAN JIMAT BESAR dengan pelancaran servis Simply South, dua saluran baru, Blippi & Friends serta Oppa Mania, bermula 1 November 2024. Simply South menawarkan kandungan Tamil, Telugu, dan Malayalam dengan hanya RM10/bulan. Pelanggan juga boleh menikmati Viu Premium dengan tawaran RM4.99/sebulan untuk 3 bulan pertama. Blippi & Friends akan tersedia di Kids Pack tanpa caj tambahan, manakala Oppa Mania menawarkan drama Korea dan K-pop. Astro juga menyediakan baucar RM300 untuk barang elektrik bagi pelanggan baru. Pelbagai pakej penjimatan disediakan bermula dari RM41.99/bulan.

Astro Raikan Deepavali 2024 Dengan 36 Tayangan Istimewa & Hadiah Menarik

Astro menyambut Deepavali dengan tema 'Kondaduvom Semmaiyyaga Kondaduvom' (Sambutan Lebih Ceria Bersama), menggalakkan pelanggan meraikan kebaikan dan pentingnya kebersamaan. Pelanggan Astro dapat menikmati pelbagai tayangan perdana menarik, saluran khas RUSI (CH 210) bermula 21 Oktober hingga 3 November 2024, serta berpeluang memenangi hadiah wang tunai dan menebus sampul duit eksklusif Deepavali.

Astro turut menampilkan 10 filem pendek dari Ulagam Short Film Contest 2024. Dunesraaj A/L Muniandy telah dinobatkan sebagai juara dan memenangi RM10,000 serta peluang menerbitkan telefilem untuk Astro.

Semua rakyat Malaysia dijemput menghadiri acara 'Hello Deepavali' di lokasi berikut:

- 5 & 6 Oktober di KSL Esplanade Mall, Klang
- 26 & 27 Oktober di Ipoh dan Johor Bahru
- 26 & 27 Oktober di Bukit Jalil

Untuk maklumat lanjut tentang tawaran Astro Deepavali, layari www.astroulagam.com.my/SemmeDeepavali.





Puteri Walinong Sari Inspirasi National Costume Miss Universe Malaysia 2024

Miss Universe Malaysia 2024, Sandra Lim akan memperagakan kostum kebangsaan berinspirasikan Puteri Walinong Sari di Miss Universe di Mexico pada 16 November nanti.

Kisah Puteri Walinong Sari, tokoh legenda dari Pahang yang terkenal dengan kecantikan dan kemahiran dalam seni pertahanan diri, menjadi inspirasi rekaan ini.

Kostum yang direka oleh Ezuwan Ismail menggabungkan kraf tradisional seperti songket tenun dengan gabungan fesyen moden.

Kostum ini dilengkapi dengan hiasan kepala yang mewakili kekuatan dan pedang sebagai simbol kecekapan dalam pertempuran, melambangkan peranan Puteri Walinong Sari sebagai pelindung rakyatnya.



Celebrate Malaysian Talent at ZUS Coffee's Music Festival!

ZUS Coffee is hosting the "Made in Malaysia" music festival on November 2, 2024, at Awana SkyWorlds, Genting Highlands.

The event will showcase popular local acts like K-Clique, Ara Johari, and Shila Amzah. Tickets are available at RM55 each, with options for VIP and group packages.

The festival aims to celebrate Malaysian musical talent and foster local pride. For more details, visit the official website.



Savor Authentic Indian Flavors At Passage Thru India

Passage Thru India in Kuala Lumpur offers an authentic Indian dining experience with a vibrant atmosphere and stunning decor. Guests can savor traditional dishes prepared with rich spices and flavors, making it a must-visit for food lovers. The restaurant emphasizes cultural elements, enhancing the dining experience further.



Unpacking The Meaning Behind Bruno Mars & Rosé's "APT"

Bruno Mars' song "APT" features themes of love and connection. It has sparked interest in a fun Korean game called "Gonggi," where players toss small pebbles in a sequence. The game is a delightful way to bond with friends while enjoying the music.